



Siaran Akbar Ini Diembargo
4.00ptg, Sabtu, 5 September 2015

MERAIKAN SG50 DENGAN PAMERAN BAHASA DAN BUDAYA DI GARDENS BY THE BAY

5 September 2015 - Bulan Bahasa 2015 dilancarkan pada hari ini oleh Perdana Menteri Lee Hsien Loong yang telah berucap di acara ini. Perayaan selama sebulan ini menjanjikan program, acara dan aktiviti menarik yang memaparkan ciri serba guna bahasa, budaya dan warisan Melayu.

Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa yang Menarik di Gardens by the Bay

Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa di Gardens by the Bay akan menyajikan pelbagai peluang untuk menghargai bahasa Melayu di luar dan di dalam Flower Dome dan berlatar belakang kehijauan dan keindahan taman. Perayaan sepanjang hujung minggu ini juga memaparkan keindahan, kemeriahian dan initipati Bahasa Ilmu, Bahasa Budaya dan Bahasa Mesra.

Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, Encik Zaqy Mohamad, memberi penghargaan kepada sastera perintis dan pendidik-pendidik Singapura, serta penulis dan duta bahasa yang menghadiri Majlis Pelancaran Bulan Bahasa. Encik Zaqy juga memberi penghargaan istimewa kepada penulis dan penyunting, Allahyarham Cikgu Mohamed Naim Daipi, untuk semangatnya kepada bahasa dan kerjanya bersama sekolah, para penulis, rakan kerjasama dan media yang meluas di Singapura dan di rantau ini.

“Dengan sokongan pejuang bahasa, aktivis, guru, rakan kerjasama masyarakat dan pemimpin negara yang mempromosikan dan melestarikan bahasa kebangsaan Singapura, Bulan Bahasa tidak berhenti berkembang dan kejayaan dapat dicapai,” kata Encik Zaqy Mohamad. “Dengan rakan kerjasama kami, kami telah menyediakan lebih daripada 100 program supaya orang ramai dapat menikmati keindahan bahasa Melayu.”

Program-program Bulan Bahasa

Terdapat pelbagai program dan aktiviti pada hujung minggu ini yang disediakan untuk semua lapisan masyarakat. Beberapa program yang diadakan termasuk:

- Puisi itu Indah oleh The Kaizen M.D
Para penonton akan terpesona dengan suatu persembahan yang memaparkan puisi dalam tarian oleh The Kaizen M.D. Persembahan ini akan merangkumi NADA, projek seni visual dan bunyi yang menerokai mitos dan sejarah sebuah kumpulan yang direka dengan nama yang sama yang memberi tumpuan untuk menghidupkan kembali muzik tradisional yang popular di Asia Tenggara dari tahun 1960-an hingga 1980-an.
- Persembahan Silat oleh PERSISI



Mari pelajari daripada pahlawan-pahlawan silat PERSISI cara-cara untuk mempertahankan diri di Supertree Grove. Para pengunjung juga akan dapat melihat pameran yang merangkumi sejarah dan evolusi Pencak Silat di Singapura, terutamanya peranan wanita dan bagaimana mereka mempelajari kemahiran ini walaupun tidak dibenarkan.

- Persembahan Dikir Barat & Tarian oleh Projek Bintang
Para pengunjung akan dapat menikmati persembahan oleh sekumpulan pelajar terpilih Projek Bintang yang akan menonjolkan bakat mereka melalui persembahan dikir barat dan tarian setelah melalui sesi latihan selama beberapa bulan oleh selebriti dan pakar daripada industri seni persembahan Singapura.
- Singa Maksima Live Edisi Nusantara oleh Ria 89.7FM, Nusantara World Music dan Ramli Sarip
Berseronoklah di bawah Supertrees sambil menikmati keindahan bahasa Melayu melalui muzik, puisi dan lagu. Konsert ini akan memaparkan artis-artis terkenal seperti Audionauts, Ryan Sufyan, Rafaat Hamzah, Nuradee dan banyak lagi, termasuk legenda "Papa Rok" Singapura, Datuk Ramli Sarip.
- Rakan-Rakan Taman – Cerita-cerita Singapura bersama Rakan-rakan Taman
Ketahui tentang cerita-cerita Singapura bersama pemandu taman yang dikenali sebagai Rakan-rakan Taman di dalam Flower Dome. Rakan-rakan Taman akan membawa anda menikmati pameran flora dan fauna yang direka khas untuk menceritakan kisah-kisah dan legenda Singapura.
- Pameran Aktiviti dan Permainan Melayu oleh Sekolah-sekolah
Cubalah permainan tradisional seperti naik tangga, congkak dan susun suai gambar sambil mempelajari tentang bahasa dan budaya Melayu di gerai yang disediakan oleh sekolah-sekolah. Keluarga juga boleh menikmati persembahan sepak takraw, drama, lagu, serta aktiviti-aktiviti seni dan kraftangan.
- Acara Unggul Bulan Bahasa
Bulan Bahasa juga akan diraikan di kawasan-kawasan perumahan di mana GRC Tampines, Nee Soon, Jurong dan Choa Chu Kang akan berusaha untuk membawa perayaan SG50 kepada para penduduk mereka. Tarikh dan tempat untuk perayaan mereka adalah:
 - 6 September – Tampines Community Plaza
 - 12 September – Kelab Masyarakat Chong Pang
 - 19 September – Kelab Masyarakat Bukit Batok East
 - 26 September – Gerlanggang Terbuka bertentangan stesen MRT Choa Chu Kang

Untuk program-program acara hujung minggu serta Bulan Bahasa yang lengkap, sila lungsuri lelaman Majlis Bahasa Melayu Singapura di <https://mbms.sg>.



Meraikan Perkembangan Bahasa Melayu selama 50 tahun di Singapura

Sebagai sumbangan masyarakat Melayu kepada perayaan SG50, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menghasilkan ‘Yang Terukir – Bahasa dan Persuratan Melayu Sempena 50 tahun Kemerdekaan Singapura’, sebuah buku yang mencerminkan semangat dan sumbangan penulisan Melayu di Singapura. Ia juga merupakan rekod penting yang memaparkan sejarah sastera dan warisan Melayu Singapura. Buku ini mencatat perkembangan bersejarah bahasa Melayu di Singapura dari tahun-tahun awal Singapura hingga 2015 dan penulisan di dalam buku ini merangkumi pelbagai topik, termasuk bahasa, sastera, sejarah, geografi, pendidikan, agama, muzik, teater dan filem.

Buku ini membuktikan kecekalan dan keanjalan bahasa, sastera dan budaya Melayu yang dinamik. Kandungan buku ini akan dibentuk sebagai suatu pameran kenangan yang akan dianjurkan di majlis pelancaran rasmi Bulan Bahasa sebelum dipamerkan di GRC, seminar sastera dan perpustakaan terpilih.

Buku kenangan ini boleh dipinjam daripada perpustakaan awam dari Oktober 2015.

~~~

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sesi temubual, sila hubungi:**

Cik Aisyah Noor Mohd  
DID: 6332 2244  
E-mel: [siti\\_aisyah\\_noor\\_mohd@nhb.gov.sg](mailto:siti_aisyah_noor_mohd@nhb.gov.sg)

## Tentang Bulan Bahasa

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2012, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan yang terus mendapat sokongan daripada masyarakat. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk memupuk keyakinan diri dan kemahiran bahasa Melayu serta melestarikan budaya dan warisan Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsuri mbms.sg dan facebook.com/majlisbahasa.